

30 JUN 1999

KEDAH LULUSKAN 7,000 PERMOHONAN TANAH

ALOR SETAR, 30 Jun (Bernama) -- Kerajaan Kedah telah meluluskan 7,000 permohonan untuk 10,000 hektar tanah yang telah diusahakan sekurang-kurangnya sejak lima tahun lepas dan akan mengeluarkan geran kepada peneroka masing-masing mulai hari ini.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berkata kesemua tanah yang diluluskan itu diusahakan untuk pertanian.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco di sini, beliau berkata ada antara tanah itu telah diusahakan lebih dari 30 tahun.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri kini dalam proses untuk meluluskan penempatan kampung-kampung Cina di seluruh negeri.

Sanusi yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah berkata, jentera parti di negeri itu telah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

Katanya pemilihan calon Umno akan ditentukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti.

-- BERNAMA

MN MAI